

Anak-anak perlu diselit ilmu menghormati rakan-rakan dari kaum lain

Terapkan semangat perpaduan

DALAM dua bulan pertama tahun ini saja masyarakat kita telah merayakan pelbagai jenis perayaan mengikut ajaran agama masing-masing dengan penuh ceria, harmoni dan bersatu padu.

Bermula dengan sambutan Tahun Baru Cina oleh rakan-rakan dari kaum Cina diikuti dengan sambutan Maulidur Rasul oleh umat Islam yang disusuli pula dengan sambutan Thaipusam oleh rakan-rakan dari penganut agama Hindu dan terkini perayaan Chingay pula oleh masyarakat Cina.

Inilah keunikan kepelbagaian yang kita ada dan banggakan selama ini. Setiap kaum dan penganut agama diberi kebebasan sepenuhnya untuk merayakan dan menyambut

upacara keagamaan masing-masing tanpa sebarang halangan mahupun sekatan selagi mana ia tidak mendatangkan sebarang kemudaratan kepada rakan-rakan dari agama lain.

Keunikan ini semakin terserlah apabila rakan-rakan dari kaum lain juga sering kali turut sama meraikan sebagai sebuah bangsa yang bersatu dalam semangat Malaysia sama ada melalui budaya kunjung-mengunjung ketika rumah terbuka ataupun paling tidak kita menghormati kepercayaan mereka dengan cara masing-masing.

Di pihak kerajaan pula sebagai usaha untuk meraikan keistimewaan dan kepelbagaian ini cuti umum turut diberikan sebagai penghorma-

tan besar kepada kumpulan yang meraikannya di samping mengadakan rumah-rumah terbuka di peringkat kebangsaan.

Budaya hormat menghormati dan kunjung-mengunjung ini adalah tradisi dan warisan yang telah diamanahkan kepada kita oleh generasi terdahulu yang meletakkan batu asas kepada jambatan perpaduan yang berdiri gagah pada hari ini.

Justeru diharapkan generasi yang ada pada hari ini dapat memelihara khazanah nasional ini dengan sewajarnya dan seterusnya mendidik anak-anak kita yang bakal menjadi pewaris negara agar mengenali erti pengorbanan dan perpaduan di dalam sebuah negara berbilang bangsa seperti kita.

Ini penting kerana kita kluatir generasi yang akan datang lebih mementingkan diri sendiri dan tidak meletak perpaduan dan kerjasama erat antara kaum sebagai suatu yang penting ataupun sebagai keutamaan kepada mereka.

Hal ini kerana pada hari ini dengan jelas kita dapat melihat gelagat anak-anak muda yang masing-masing buat hal sendiri tanpa mempedulikan apa yang berlaku di sekitar mereka. Jika dibiarkan budaya ini akan merobohkan jambatan perpaduan yang telah kita pertahankan sekian lama yang akhirnya akan menghancurkan negara kita kerana perpaduan adalah asas kekuatan jati diri negara ini.

Untuk itu adalah diharapkan agar

para ibu bapa di samping mengajar anak-anak dengan pelbagai ilmu untuk jamin masa depan mereka adalah disyorkan juga agar diberi penekanan kepada elemen perpaduan yang akan menjamin masa depan negara kita dengan menyelitkan ilmu bagaimana untuk menghormati rakan-rakan dari kaum lain serta kepercayaan yang mereka amalkan.

Malah wajib mengajar juga tentang tanggungjawab mereka untuk mempertahankan perpaduan yang kita miliki sekarang atau ringkasnya bagaimana untuk meraikan kepelbagaian yang kita miliki selama ini.

**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

UPM Serdang, Selangor